

Dua kanak-kanak parah kepala dihentak dengan tukul besi

Amukan tukul besi lelaki misteri

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN
zulsham@kosmo.com.my

MUAR – Suasana tenang dan ceria di Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) Sinaro di Lorong Haji Ali di sini semalam bertukar ganas apabila seorang lelaki kurang siuman mengamuk dengan menghentak kepala tiga murid dengan tukul besi selain menyembur cecair lada ke muka pengetuanya.

Kejadian mencemaskan pukul 10 pagi itu berlaku apabila suspek menaiki sebuah motosikal dengan memakai topi keledar bertutup penuh dan berpakaian serba hitam bertindak menceroboh kawasan tadika selepas memanjat pagar.


Ekoran amukan tersebut, tiga kanak-kanak masing-masing berusia enam tahun iaitu Alex Tan Kar Eik dan Nur Nadhrah Nabila Mohd. Yusri mengalami retak tempurung kepala manakala Vincent Tey Hui Seng hanya mengalami luka.

Menurut pengetua tadika berkenaan, Voon Siew Kion, 45, sebelum kejadian, terdapat 60 kanak-kanak sedang menikmati sarapan pagi.

Tadika berkenaan mempunyai tiga buah kelas dan ketika kejadian, hanya sebuah kelas sahaja yang diserang suspek membabitkan 20 pelajar manakala 40 pelajar dan dua lagi guru berada di kelas lain.

Kata Siew Kion, ketika leka bersarapan, tiba-tiba mereka dikejutkan dengan kedatangan seorang lelaki yang terus menendang pintu jeriji tadika yang tidak dikunci selepas memanjat pagar depan.

“Walaupun saya panik dan ter-



POLIS bertindak pantas dengan mengadakan sekatan jalan raya bagi menjejaki lelaki yang mengamuk di Tadika Sinaro di Muar semalam.

kejut dengan kedatangan lelaki itu tetapi saya mampu lagi untuk bertanya mengenai tujuan dia berbuat demikian.

“Tanpa menghiraukan pertanyaan saya, dia kemudian terus menyembur cecair lada ke muka saya sebelum mengeluarkan tukul besi dari dalam pakaian untuk menyerang kanak-kanak tersebut,” ceritanya ketika ditemui semalam.


Tambahnya, dalam keadaan kalam-kabut dengan jeritan kanak-kanak dan ditambah pula rasa pedih pada mukanya, dia cuba menghalang suspek dari bertindak lebih ganas tetapi dia pula dilibas tukul besi menyebabkan bahu kanan dan tangan kirinya cedera.

Menurut Siew Kion, kejadian tersebut berlaku begitu pantas hinggan guru-guru lain tidak dapat membantu.

“Suspek kemudian melarikan diri menggunakan jalan yang sama dengan menaiki motosikal yang diletakkan di hadapan tadika,” ceritanya lagi yang terus menghantar kanak-kanak yang cedera itu ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah.


Difahamkan, keretakan di kepala Nur Nadhrah Nabila dan Kar Eik masing-masing sepanjang 0.03 meter.

Sementara itu, Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Mokhtar Mohd. Sharif memberitahu, pihaknya telah menubuhkan satu pasukan khas bagi kes itu.



- 1) Suspek meletakkan motor di luar pagar dan memanjat pagar tadika.
- 2) Bergelut dengan menyembur cecair lada putih pada guru dan murid.
- 3) Serang murid dengan tukul besi.
- 4) Melarikan diri melalui jalan yang sama.

Info kes lelaki amuk di Tadika Sinaro



TADIKA di mana seorang lelaki menyerang sekumpulan kanak-kanak sehingga mendatangkan kecederaan kepada tiga orang di Lorong Haji Ali, Jalan Abdul Rahman, Muar, Johor semalam.